

Mahathir: Dasar pelajaran tetap tak berubah

DASAR Pelajaran Kebangsaan tetap tidak akan diubah walau dengan desakan dari mana-mana pihak sekalipun, Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan bahawa dasar itu akan terus dilaksanakan tanpa sebarang pindaan atau ragu-ragu lagi sebagaimana yang ditetapkan.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran memberi jaminan demikian dalam satu pertemuan dengan ahli-ahli Exco Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) di pejabatnya, di sini pagi ini.

Pertemuan selama sejam itu bertujuan untuk meminta Dr. Mahathir menjelaskan kenyataan Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, baru-baru ini mengenai dasar pelajaran itu.

Datuk Lee semasa berucap di perhimpunan Agung MCA bulan lalu menyarankan supaya kerajaan mengadakan Dasar Pelajaran yang lebih liberal untuk memberi peluang yang lebih luas kepada rakyat melanjutkan pelajaran di

dalam dan luar negeri.

KUALA LUMPUR 20 SEPTEMBER

Istilah

Presiden KGMMB, Encik Nordin Haji Mahmood yang mengetuai perwakilan itu memberitahu para pemberita kemudiannya bahawa dalam pertemuan itu, Dr. Mahathir telah memberi pengakuan tegas bahawa beliau tetap tidak akan terpengaruh dengan istilah 'liberal' yang digunakan oleh MCA itu.

"Malah Dr. Mahathir memberitahu kami bahawa kerajaan juga tetap tidak akan berganjak dari tugas dan tanggungjawabnya dalam melaksanakan dasar tersebut, sebagaimana yang telah ditetapkan",

kata beliau.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan juga tetap akan berlaku adil kepada setiap warganegara menerusi dasar itu yang bertujuan ke arah mengujudkan perpaduan rakyat dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

Ini bererti penggunaan Bahasa Malaysia dalam peperiksaan LCE pada tahun 1978, MCE pada tahun 1980, STP pada tahun 1982 dan di peringkat universiti pada tahun 1983 tetap dilaksanakan.

Perlaksanaan itu bukan sahaja meliputi sekolah kerajaan malah pihak swasta sendiri.

Dr. Mahathir juga telah memberitahu kesatuan itu bahawa pihak kementerian akan bertindak tegas mana-mana sekolah swasta yang tidak mengikut dengan dasar yang ditentukan.

Encik Nordin kemudian rasa puas hati atas jaminan yang diberikan oleh Dr. Mahathir itu.